

SOALAN NO. :78

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keluasan hutan yang tidak pernah dibalok di setiap negeri di Malaysia pada setakat ini. Adakah Kerajaan bercadang melaksanakan skim bayaran royalti tahunan kepada negeri-negeri berdasarkan kepada keluasan hutan asli yang dikekalkan di negeri itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Keluasan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2016 adalah seluas 5.8 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 2.4 juta hektar adalah merupakan kawasan Hutan Perlindungan dan kebanyakannya merupakan hutan yang tidak pernah dibalak.

Pada masa ini, pihak kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan skim bayaran royalti tahunan kepada negeri berhubung pengekalan keluasan hutan asli.

Sekian, terima kasih.